

PERSEPSI GURU SEKOLAH RENDAH TERHADAP PENGLIBATAN MEREKA DALAM PENYELIDIKAN TINDAKAN SEMASA MENGIKUTI PROGRAM PGSR DI IPG

Ibrahim bin Taib, PhD

Fouziah Mohd, PhD

*Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail, Kuala Nerus, Terengganu
dr.ibrahim@ipgm.edu.my*

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi empat puluh lapan orang guru sekolah rendah terhadap penglibatan mereka dalam penyelidikan tindakan semasa mengikuti program Pensiwazahan Guru Sekolah Rendah(PGSR) di Institusi Pendidikan Guru(IPG) Dato' Razali Ismail, Kuala Terengganu. Kajian ini akan memberi fokus kepada aspek-aspek seperti persepsi,kepentingan, dan kerelevanan penyelidikan tindakan, masalah dan tekanan yang dialami, perubahan sikap guru PGSR selepas tamat kursus dan bimbingan pensyarah IPG kepada peserta program PGSR. Pengkaji telah menggunakan satu inventori yang dihasilkan oleh Brown D.S.(1991) dan Papanastasiou, E.C.(2005). Beberapa aspek yang dipilih untuk kajian ini diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Program The Statistical Program For Social Sciences(SPSS) 19 telah digunakan untuk menganalisis data kajian yang dikumpulkan melalui soal selidik. Skor min dan peratus digunakan untuk menganalisis data. Skor min digunakan untuk menyatakan tahap persepsi guru PGSR terhadap penyelidikan tindakan yang dijalankan oleh mereka. Hasil kajian mendapati persepsi guru PGSR terhadap penyelidikan tindakan yang dijalankan oleh mereka adalah tinggi. Skor min yang diterima bagi setiap konstruk adalah seperti: kesedaran(4.22)sangat tinggi, kepentingan(4.63) sangat tinggi, komitmen(4.35) sangat tinggi, kerelevanan(4.72)sangat tinggi, masalah yang dialami(3.67)tinggi, tahap tekanan(3.52)tinggi,tahap perubahan sikap(4.70)sangat tinggi dan bimbingan pensyarah(4.66)sangat tinggi. Skor min yang tinggi menggambarkan penyelidikan tindakan yang dijalankan oleh guru PGSR adalah sangat penting, relevan dan pengalaman yang diperolehi dapat membantu meningkatkan kompetensi mereka dalam profesionalisma keguruan.

Kata Kunci: *Persepsi, Tekanan, Kepentingan, Kerelevanan, Masalah, Bimbingan Pensyarah dan Penyelidikan Tindakan, Guru PGSR*

Pengenalan

Dalam era globalisasi, peranan guru menjadi semakin kompleks dan mencabar kerana terpaksa melakukan pelbagai tugas dan kerja dalam bidang kurikulum dan kokurikulum di samping menghadiri pelbagai kursus di luar waktu sekolah. Pada masa yang sama adalah menjadi tanggungjawab setiap guru untuk meningkatkan kompetensi sendiri dan kompetensi profesionalisma supaya dapat memartabatkan profesion keguruan. Sejajar dengan itu, Kementerian Pelajaran telah mengambil langkah untuk menjadikan setiap guru bukan siswazah di sekolah rendah dan menengah sebagai guru berijazah. Untuk mencapai hasrat ini, Program

Pensiwazahan Guru Sekolah Rendah(PGSR) telah diperkenalkan pada tahun 2008. Matlamat program itu bertujuan untuk memberi peluang kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah(PPPBS)meningkatkan kelayakan akademik mereka ke tahap ijazah dan seterusnya meningkatkan kerjaya mereka. Program PGSR diharapkan akan mencapai hasrat kerajaan 100% guru sekolah menengah dan 50% guru sekolah rendah di seluruh negara adalah terdiri daripada guru-guru ijazah. Selain mengikuti beberapa kursus di IPG dalam tempoh masa empat tahun, guru PGSR dikehendaki menjalankan penyelidikan tindakan sebagai satu syarat untuk dianugerahkan ijazah. Program itu merupakan satu program yang memerlukan guru menghadiri kuliah pada masa cuti sekolah. Dalam masa empat tahun, guru PGSR itu akan menghabiskan cuti di IPG dan mereka mengalami pelbagai masalah dalam menyiapkan tugas dan penyelidikan tindakan yang wajib dijalankan oleh semua peserta program PGSR. Pengkaji berpendapat bukanlah mudah bagi guru PGSR untuk mengikuti program itu dengan bersungguh-sungguh. Dalam umur yang sudah meningkat dan sudah lama mereka sudah tinggalkan alam pendidikan menyukarkan mereka menumpukan perhatian dalam pembelajaran di IPG. Pelbagai masalah perlu dilalui untuk meneruskan pengajian di IPG dan ianya memerlukan pengurusan dan pengawalan emosi yang tinggi dalam diri mereka. Dalam situasi inilah pengkaji ingin meninjau apakah persepsi dan pendapat para guru sekolah rendah yang mengikuti program PGSR terhadap penyelidikan tindakan yang dijalankan oleh mereka.

Pernyataan Masalah

Dalam dunia pendidikan pada masa ini, penyelidikan tindakan menjadi salah satu aspek yang banyak dibincang dalam kalangan ahli akademik. Justeru itu, para pendidik khususnya guru di sekolah rendah dan sekolah menengah di seluruh Malaysia digalakkan untuk melibatkan diri dalam penyelidikan tindakan untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran serta meningkatkan kualiti profesionalisma. Pada masa ini terdapat pelbagai isu dalam sistem pendidikan di negara kita yang sentiasa menjadi isu perbincangan masyarakat umum di negara kita. Antara isu yang semakin menjadi hangat ialah yang berkaitan dengan kualiti pengajaran guru dan tahap pencapaian pelajar dalam pembelajaran. Sudah menjadi satu trenda baru di mana pencapaian pelajar kita dibandingkan dengan pelajar luar negara. Sebagai contoh, pencapaian dalam Program for International Student Assessment (PISA) dalam matematik dan sains digunakan sebagai satu ukuran perbandingan. Keadaan ini telah menyebabkan kerajaan Malaysia sedang mengambil pelbagai usaha untuk meningkatkan kualiti pencapaian akademik pelajar supaya pelajar kita boleh bersaing dengan pelajar-pelajar di luar negara. Salah satu pendekatan yang digunakan pada masa kini ialah meningkatkan kualiti guru supaya berlaku perubahan dalam pencapaian akademik pelajar.

Pengkaji berkeyakinan sekiranya kualiti pengajaran dalam bilik darjah dipertingkatkan maka adalah harapan besar tahap pencapaian dalam kalangan murid juga dapat dipertingkatkan. Dalam perkara ini, pengkaji berpendapat selagi tahap akademi guru tidak berubah maka adalah sukar untuk membawa transformasi dalam pendidikan negara. Diharapkan kelayakan akademik akan membolehkan guru sekolah dapat meningkatkan komitmen, kompetensi, kemampuan, kebolehan, kepakaran dan dedikasi dalam tugas harian mereka. Justeru itu, program PGSR sekurang-kurangnya dapat meningkatkan keupayaan guru sebagai guru yang mampu membawa perubahan dalam sistem pendidikan negara. Bagi tujuan itu, pada akhir kursus setiap peserta

dikehendaki menjalankan satu kajian tindakan untuk memenuhi syarat untuk ditauliahkan ijazah kepada mereka. Para peserta kursus akan mengikuti kursus semasa cuti sekolah dan pernah pengkaji sendiri mengajar mereka beberapa subjek. Pada ketika itu, pengkaji banyak mendengar rungutan daripada peserta kursus terhadap pelbagai masalah yang dialami semasa mengikuti program PGSR. Justeru itu, situasi inilah yang mendorong pengkaji sebagai seorang fasilitator dalam program PGSR ingin meninjau, mengenal pasti dan mengetahui apakah persepsi guru program PGSR terhadap penyelidikan tindakan yang dijalankan oleh mereka semasa di IPG.

Objektif Kajian

Kajian ini akan dijalankan bersaskan kepada objektif kajian yang dikenal pasti seperti berikut:

- 3.1 Mengetahui tahap kesedaran guru PGSR terhadap penyelidikan tindakan
- 3.2 Meninjau kepentingan penyelidikan tindakan kepada guru PGSR
- 3.3 Mengetahui tindakan guru PGSR selepas tamat pengajian di IPG
- 3.4 Menilai kerelevanan penyelidikan tindakan kepada guru PGSR
- 3.5 Mengetahui masalah yang dihadapi oleh guru PGSR semasa menjalankan penyelidikan tindakan di IPG
- 3.6 Mengetahui tahap tekanan yang dialami oleh guru PGSR semasa menjalankan penyelidikan tindakan di IPG
- 3.7 Mengetahui perubahan sikap selepas penyelidikan tindakan guru PGSR
- 3.8 Mengetahui bimbingan pensyarah pembimbing kepada guru PGSR semasa menjalankan penyelidikan tindakan di IPG

Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif-objektif kajian yang telah dinyatakan di atas, kajian ini akan menjawab soalan-soalan berikut:

- S1. Adakah tahap kesedaran guru PGSR terhadap penyelidikan tindakan?
- S2. Adakah penyelidikan tindakan penting kepada guru PGSR?
- S3. Adakah tindakan guru PGSR selepas tamat pengajian di IPG?
- S4. Adakah penyelidikan tindakan relevan kepada guru PGSR
- S5. Adakah masalah yang dialami oleh guru PGSR semasa menjalankan penyelidikan tindakan di IPG
- S6. Adakah tahap tekanan yang dialami oleh guru PGSR semasa menjalankan penyelidikan tindakan
- S7. Adakah guru PGSR sekolah mengalami perubahan sikap selepas penyelidikan tindakan
- S8. Adakah tahap bimbingan pensyarah pembimbing kepada guru PGSR semasa menjalankan penyelidikan tindakan

Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat meneroka persepsi guru sekolah rendah terhadap penglibatan mereka dalam penyelidikan tindakan semasa mengikuti program PGSR di IPG. Pengukuran persepsi guru terhadap penyelidikan tindakan terdiri daripada konstruk persepsi guru terhadap penyelidikan tindakan, persepsi guru terhadap kepentingan penyelidikan tindakan, persepsi guru terhadap penyelidikan tindakan selepas tamat program, persepsi guru terhadap kerelevanan penyelidikan tindakan, persepsi terhadap masalah yang dialami guru semasa menjalankan penyelidikan tindakan, persepsi terhadap tahap tekanan yang dialami oleh guru semasa penyelidikan tindakan dijalankan, perubahan sikap dan akhirnya persepsi guru terhadap bimbingan yang diberikan oleh pensyarah. Dengan itu, kajian ini akan memberi satu ruang baru untuk memahami persepsi guru terhadap penyelidikan tindakan yang dijalankan oleh mereka. Pada masa yang sama, kajian ini diharapkan akan memberi peluang kepada pensyarah di IPG untuk memperbaiki amalan dan penyampaian mereka dalam kursus penyelidikan tindakan di IPG pada masa yang akan datang.

Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada guru-guru sekolah rendah yang menyertai program PGSR di salah satu IPG Dato' Razali Ismail, Kuala Terengganu. Kajian ini hanya melibatkan seramai 48 orang peserta program PGSR. Kajian ini hanya meninjau dan memberi fokus kepada elemen-elemen yang berkaitan dengan penyelidikan tindakan sahaja. Pemilihan sampel dalam kajian ini terbatas kepada dua kumpulan guru yang menyertai program PGSR ambilan 2008.

Kerangka Teoritikal

Pada masa ini terdapat pelbagai pendekatan digunakan untuk menerangkan penyelidikan tindakan. McNiff (1988) mentafsirkan penyelidikan tindakan sebagai satu pendekatan untuk memperbaiki atau meningkatkan kualiti pendidikan melalui perubahan dengan menggalakkan guru-guru menjadi lebih sedar tentang amalan mereka sendiri, menjadi kritis terhadap amalan-amalan tersebut dan bersedia untuk mengubah amalan-amalan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Proses ini melibatkan guru untuk melakukan inkuiri serta melibatkan guru-guru lain secara koperatif dan kolaboratif. Amalan itu seterusnya dapat melahirkan guru sebagai penyelidik yang kritikal yang kaya dengan idea baru serta sanggup menerima perubahan dan berupaya membuat penilaian terhadap kurikulum dan kokurikulum di sekolah. Manakala Elliot (1981) berpendapat kajian tindakan merupakan satu rangka penilaian sendiri di sekolah dan inya mengutamakan aktiviti refleksi dan inkuiri untuk melakukan penambahbaikan dalam amalan harian dalam bilik darjah. Berkaitan dengan itu, Murray et al.(2005) dan Macintyre(2000) menganggap kajian tindakan sebagai satu proses refleksi sendiri yang dilakukan secara sistematik ke atas amalan semasa di bilik darjah. Ferrance (2000) menyatakan bahawa penyelidikan tindakan merupakan satu proses reflektif yang memberi peluang kepada para pengkaji untuk mencari jalan atau menyelesaikan masalah dalam pengajaran dan pembelajaran.


Manakala, Demircioglu(2008) berpendapat penyelidikan tindakan merupakan satu proses inkuiri yang berbentuk reflektif yang dijalankan dalam satu situasi sosial untuk memperbaiki


amalan pengajaran dalam bilik darjah. Mills(2003) pula berpendapat penyelidikan tindakan adalah satu pendekatan sistematik yang dijalankan oleh guru di sekolah sebagai penyelidik untuk mengenal pasti dan mengatasi pelbagai masalah dalam suasana pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan guru, murid dan sekolah. Carr dan Kemmis(1986), Elliot(1996), Grundy (1994), McNiff, Lomax dan Whitehead(1996) mengutarakan bahawa penyelidikan tindakan dijalankan bagi tujuan memahami perkembangan kurikulum sekolah, penambahbaikan sekolah, perkembangan profesional guru, penyelidikan sekolah, perancangan sekolah, pengurusan sekolah, perkembangan staf dan akhirnya mengkaji suasana bekerja di sekolah. Namun begitu, kajian ini dijalankan untuk meninjau persepsi guru terhadap kajian tindakan yang dijalankan oleh mereka semasa mengikuti program PGSR di IPG. Pengkaji berpendapat adalah penting untuk mendapatkan pelbagai maklumat daripada peserta program PGSR untuk memperbaiki pengajaran dan pembelajaran dalam kursus penyelidikan tindakan yang akan dilaksanakan di IPG. Sebagai seorang pendidik sama ada seorang pensyarah di IPG atau seorang guru di sekolah dianggap sebagai penyelidik dan adalah tanggungjawab setiap orang untuk menyedari pelbagai perubahan yang sedang berlaku dalam dunia pendidikan. Sebagai seorang pendidik yang efektif adalah penting agar setiap orang melibatkan diri dalam penyelidikan untuk menyelesaikan pelbagai masalah dalam bilik darjah. Langkah ini akan memartabatkan profesion keguruan ke arah melahirkan sistem pendidikan yang cemerlang, gemilang dan terbilang (Lewis dan Munn 1997).

KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meneroka persepsi guru sekolah rendah terhadap penglibatan mereka dalam penyelidikan tindakan semasa mengikuti program PGSR di IPG. Justeru itu, berikut adalah keterangan mengenai kerangka konseptual kajian berdasarkan Rajah 1. Kajian ini melibatkan seramai empat puluh lapan orang guru PGSR yang telah mengikuti program PGSR anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia. Pada akhir semester pengajian peserta program PGSR dikehendaki menjalankan penyelidikan tindakan supaya mereka dapat dianugerahkan ijazah sarjanamuda. Semasa menjalankan penyelidikan tindakan, setiap guru PGSR itu akan dibantu oleh seorang pensyarah sebagai pembimbing. Sesudah menjalankan penyelidikan tindakan itu, pihak IPG akan mengadakan satu seminar pembentangan penyelidikan tindakan. Dalam seminar penyelidikan tindakan itu setiap guru akan membentangkan hasil kajian mereka dibantu oleh pensyarah-pensyarah.

Dalam kajian ini, pengkaji ingin meninjau, meneroka dan mengetahui pengalaman guru PGSR dalam penyelidikan tindakan. Aspek-aspek yang diberi fokus dalam kajian ini meliputi tahap kesedaran, tahap kepentingan, tahap kerelevanan, tahap komitmen, faedah yang diperolehi, masalah-masalah yang dialami, tahap tekanan, tahap perubahan sikap guru dan akhirnya tahap bimbingan yang diterima oleh guru PGSR yang mengikuti program PGSR di IPG. Pengkaji telah menggunakan kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik untuk mengumpul maklumat yang berkaitan dengan kajian ini. Soal selidik yang dibina oleh pengkaji telah diserahkan kepada semua peserta program PGSR di IPG selepas tamat program PGSR. Semua peserta program PGSR telah mengambil inisiatif untuk membaca dengan teliti dan menyerahkan kepada pengkaji pada penghujung bulan November 2012. Ada beberapa orang peserta program PGSR telah menghantarkan kepada pengkaji melalui e-mail.





Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian

Metodologi

Reka Bentuk Kajian Dan Sampel

Dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik yang melibatkan pengumpulan data daripada 48 orang guru yang menyertai program PGSR di IPG Dato'Razali Ismail Kuala Terengganu

Instrumen Kajian

Pengkaji telah menggunakan satu instrumen untuk mengkaji Persepsi Guru PGSR terhadap penyelidikan tindakan. Instrumen ini dibina oleh pengkaji berdasarkan inventori yang dihasilkan oleh Brown D.S.(1991) dan Papanastasiou, E.C.(2005). Inventori ini mengandungi sepuluh konstruk iaitu: Bahagian A mengandungi aspek yang berkaitan dengan latar belakang sampel. Bahagian B mengandungi 10 item berkaitan dengan persepsi guru terhadap penyelidikan tindakan. Bahagian C mengandungi 10 item berkaitan tindakan kepada guru. Bahagian D mengandungi 10 item berkaitan dengan tindakan guru selepas tamat pengajian. Bahagian E mengandungi 10 item berkaitan kerelevanan penyelidikan tindakan kepada guru. Bahagian F mengandungi 10 item berkaitan masalah yang dihadapi semasa penyelidikan tindakan. Bahagian G mengandungi 10 item berkaitan faedah yang diperolehi oleh guru semasa menjalankan penyelidikan tindakan. Bahagian H mengandungi 10 item berkaitan dengan tekanan yang dialami semasa penyelidikan tindakan. Bahagian I mengandungi 10 item berkaitan dengan perubahan sikap

selepas tamat pengajian di IPG. Bahagian J mengandungi 10 item berkaitan dengan tahap bimbingan pensyarah kepada guru PGSR semasa menjalankan penyelidikan tindakan.

Kebolehpercayaan Instrumen

Data yang dikumpulkan daripada 48 orang guru PGSR telah dianalisis untuk menentukan kebolehpercayaan dan kesahan. Nilai kebolehpercayaan *Cronbach alpha* yang diperolehi bagi kesemua konstruk ialah 0.85. Bagi setiap konstruk nilai *Cronbach alpha* yang diperolehi ialah: kesedaran(0.98),kepentingan(0.91),komitmen(0.96),kerelavanan(0.87), masalah yang dialami(0.94),faedah yang diterima(0.94),tekanan(0.98),perubahan sikap (0.93) dan bimbingan pensyarah(0.98). Nilai cronbach alpha yang tinggi menggambarkan instrumen kajian ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

Dapatan Dan Perbincangan

Secara keseluruhan kajian ini mendapati guru PGSR memperoleh skor min lebih daripada 4 dalam lapan konstruk yang dikaji manakala dalam dua konstruk skor min ialah kurang daripada 4.0. Bagi tujuan menjawab persoalan dalam kajian ini, dapatan kajian akan dihuraikan secara berasingan mengikut soalan kajian yang telah ditetapkan. Data dalam Jadual 1.1 dan 1.2 digunakan untuk menjawab soalan-soalan kajian.

Jadual 1: Perbandingan Skor Min Konstruk-konstruk Persepsi

Persepsi Guru Terhadap Penyelidikan Tindakan	Skor Min	SD
Kesedaran Terhadap Penyelidikan Tindakan	4.22	1.29
Kepentingan Penyelidikan Tindakan	4.63	0.51
Komitmen guru selepas Tamat Pengajian	4.35	0.72
Kerelevanan Penyelidikan Tindakan	4.22	1.09
Faedah yang diperolehi	3.67	0.94
Tekanan kerja yang dialami oleh guru	3.27	1.36
Perubahan sikap selepas penyelidikan tindakan	4.10	0.91
Bimbingan Pensyarah dalam penyelidikan tindakan	4.10	1.00

Jadual 2: Tahap Persepsi Guru Terhadap Penyelidikan Tindakan

Persepsi Guru Terhadap Penyelidikan Tindakan	TAHAP			
	Rendah 0.0-0.9	Sederhana 1.0-2.9	Tinggi 3.0-3.9	S. Tinggi 4.0-5.0
Kesedaran terhadap penyelidikan Tindakan				4.22
Kepentingan penyelidikan tindakan				4.63

Komitmen guru selepas Tamat Pengajian	4.35
Kerelevanan penyelidikan tindakan	4.22
Masalah yang dialami oleh guru	3.67
Tekanan kerja yang dialami oleh guru	3.27
Perubahan sikap selepas penyelidikan Tindakan	4.10
Bimbingan Pensyarah dalam penyelidikan tindakan	4.10

Persoalan Kajian 1: Apakah Tahap Kesedaran Guru Terhadap Penyelidikan Tindakan Yang Dijalankan Oleh Guru PGSR

Hasil dapatan kajian bagi konstruk kesedaran terhadap penyelidikan tindakan oleh guru mendapati jumlah skor min yang diperolehi ialah 4.22. Skor min ini berada pada tahap sangat tinggi. Ini menjelaskan guru PGSR mempunyai kesedaran tinggi terhadap penyelidikan tindakan yang dijalankan. Seterusnya, perkiraan peratus digunakan untuk meninjau apakah kesedaran guru PGSR terhadap penyelidikan tindakan. Dalam bahagian ini terdapat 10 konstruk dan hanya lima konstruk yang mempunyai min skor lebih tinggi daripada 4.0 dipilih untuk menjawab soalan kajian. Dapatan kajian mendapati 87.5%(42) daripada jumlah guru PGSR itu berjaya menguasai pelbagai pengetahuan, penyelidikan tindakan memakan masa yang banyak tetapi telah membantu menulis proposal dan membina persoalan kajian dan berjaya mempelajari bagaimana untuk mencari sumber yang relevan penyelidikan tindakan. Seterusnya, 87.5%(42) guru PGSR menyatakan mereka juga berjaya mempelajari cara bagaimana untuk menganalisis data semasa menjalankan penyelidikan tindakan di IPG(Jadual 3).

Jadual 3: Konstruk Kesedaran Guru Terhadap Penyelidikan Tindakan

Persepsi Guru Terhadap Kesedaran Penyelidikan Tindakan	Skor Min	SD	Peratus %	
			Bersetuju	Tidak Bersetuju
Saya dapat menguasai pelbagai pengetahuan dan kemahiran	4.41	1.23	87.5%(42)	12.5(6)
Penyelidikan tindakan memakan masa yang banyak	3.39	1.33	87.5%(42)	12.5(6)
Saya dapat mempelajari bagaimana untuk menulis proposal	4.35	1.32	87.5%(42)	12.5(6)
Dapat mempelajari bagaimana untuk membina persoalan kajian	4.33	1.32	87.5%(42)	12.5(6)
Dapat mempelajari bagaimana untuk mencari sumber yang relevan	4.27	1.31	87.5%(42)	12.5(6)

Persoalan Kajian 2: Adakah Penyelidikan Tindakan Penting Kepada Guru PGSR

Hasil dapatan kajian bagi konstruk kepentingan penyelidikan tindakan kepada guru mendapati jumlah skor min yang diperolehi ialah 4.63. Skor min ini berada pada tahap sangat tinggi(Jadual 2). Ini menjelaskan bahawa guru PGSR menganggap penyelidikan tindakan adalah penting kepada mereka. Ini membuktikan bahawa guru PGSR dalam kajian ini mempunyai pandangan yang sangat tinggi terhadap kepentingan dalam penyelidikan tindakan. Seterusnya, perkiraan frekuensi digunakan untuk meninjau sama ada penyelidikan tindakan penting kepada guru PGSR di sekolah (Rujuk Jadual 4). Dalam bahagian ini, terdapat 10 konstruk digunakan untuk mengenal pasti kepentingan penyelidikan tindakan. Daripada jumlah itu hanya lima konstruk yang mempunyai

min skor lebih tinggi daripada 4.0 yang ditetapkan oleh pengkaji sebagai sangat tinggi dipilih untuk menjawab soalan kajian. Dapatan kajian mendapati 89.6%(42) daripada jumlah guru PGSR itu berpendapat penyelidikan tindakan telah membantu melahirkan minat dalam penyelidikan. Seterusnya, hasil kajian juga mendapati 100%(48) orang guru dalam kajian ini menyatakan bahawa penyelidikan tindakan telah membantu meningkatkan kemahiran saintifik dalam diri mereka, membantu meningkatkan kemahiran profesionalisma guru dalam kalangan mereka, telah membantu mengenalpasti masalah-masalah dalam pengajaran dan pembelajaran dan akhirnya kesemua 48 guru dalam kajian ini mendapati penyelidikan tindakan yang dijalankan oleh mereka telah membantu membina budaya penyelidikan di sekolah.

Jadual 4: Konstruk Kepentingan Penyelidikan Tindakan Kepada Guru

Kepentingan Penyelidikan Tindakan Kepada Guru	Skor Min	SD	Peratus %	
			Bersetuju	Tidak Bersetuju
Penyelidikan tindakan telah membantu melahirkan minat dalam penyelidikan	4.85	0.35	89.6%(42)	10.4%(6)
Penyelidikan tindakan telah membantu meningkatkan kemahiran saintifik	4.81	0.44	100%(48)	-
Penyelidikan tindakan telah membantu meningkatkan kemahiran profesionalisma guru	4.79	0.42	100%(48)	-
Penyelidikan tindakan telah membantu mengenalpasti masalah-masalah dalam pengajaran dan pembelajaran	4.79	0.42	100%(48)	-
Penyelidikan tindakan telah membantu membina budaya penyelidikan di sekolah	4.47	0.43	100%(48)	-

Persoalan Kajian 3: Apakah Tahap Komitmen Guru PGSR Selepas Tamat Pengajian Terhadap Penyelidikan Tindakan

Hasil dapatan kajian bagi konstruk komitmen guru selepas tamat pengajian mendapati jumlah skor min yang diperolehi ialah 4.35. Skor min ini berada pada tahap sangat tinggi seperti yang diterangkan dalam Jadual 2. Ini membuktikan bahawa guru PGSR dalam kajian ini berkebolehan untuk melibatkan diri secara aktif dalam penyelidikan tindakan selepas tamat pengajian di IPG. Seterusnya, perkiraan frekuensi digunakan untuk meninjau apakah yang dilakukan oleh guru PGSR di sekolah dalam penyelidikan tindakan selepas tamat pengajian di IPG. Dalam bahagian, ini terdapat 10 konstruk digunakan untuk mengenal pasti komitmen guru. Daripada jumlah itu hanya lima konstruk yang mempunyai min skor lebih tinggi daripada 4.0 yang ditetapkan oleh pengkaji sebagai sangat tinggi dipilih untuk menjawab soalan kajian. Dapatan kajian mendapati 100%(48) daripada guru PGSR akan melibatkan diri dalam penyelidikan tindakan. Seterusnya, 100%(48) guru akan berkongsi kepakaran yang diperolehi dan dapatan kajian juga mendapati 97.9%(47) guru PGSR akan menyebarkan budaya penyelidikan dan menganjurkan seminar penyelidikan tindakan di sekolah(Jadual 5).

Jadual 5:Komitmen Guru PGSR Terhadap Penyelidikan Tindakan

Komitmen Guru Terhadap Penyelidikan Tindakan Selepas Tamat Pengajian	Skor Min	SD	Peratus	
			Bersetuju	Tidak Bersetuju
Saya akan melibatkan diri dalam penyelidikan	4.50	0.71	100	-
Saya akan berkongsi kepakaran dengan rakan-rakan lain di sekolah.	4.47	0.71	100	-
Saya akan meningkatkan motivasi dalam kalangan guru	4.37	0.70	100	-
Saya akan cuba untuk menyebarkan budaya penyelidikan di sekolah.	4.33	0.72	97.9	2.1
Saya akan cuba menganjurkan seminar penyelidikan	4.27	0.79	97.9	2.1

Persoalan Kajian 4: Adakah Penyelidikan Tindakan Relevan Kepada Guru PGSR

Hasil dapatan kajian bagi konstruk adakah penyelidikan tindakan relevan kepada guru mendapati jumlah skor min yang diperolehi ialah 4.22. Skor min ini berada pada tahap sangat tinggi seperti yang diterangkan dalam Jadual 2. Ini membuktikan bahawa guru PGSR dalam kajian ini berpendapat penyelidikan tindakan adalah sangat relevan kepada mereka. Perkiraan frekuensi digunakan untuk meninjau sama ada penyelidikan tindakan itu relevan kepada guru. Dalam bahagian ini terdapat 10 konstruk digunakan untuk mengenal pasti sama ada penyelidikan tindakan itu relevan. Daripada jumlah itu hanya lima konstruk yang mempunyai min skor lebih tinggi daripada 4.0 yang ditetapkan oleh pengkaji sebagai sangat tinggi dipilih untuk menjawab soalan kajian. Dapatan kajian mendapati 100%(48) guru PGSR berpendapat penyelidikan tindakan adalah relevan kepada mereka kerana menggalakkan mereka melibatkan diri dalam penyelidikan tindakan di sekolah dan ianya memberi peluang untuk mengenal pasti masalah-masalah pengajaran dalam bilik darjah dan dapat membantu melahirkan guru yang berminat dalam penyelidikan. Akhirnya, kesemua guru PGSR itu menyatakan penglibatan dalam penyelidikan tindakan relevan kerana ianya dapat meningkatkan profesionalisma keguruan. Sila rujuk Jadual 6 di bawah yang menerangkan mengenai sejauh manakah penyelidikan tindakan itu relevan kepada mereka di sekolah.

Jadual 6: Kerelevan Penyelidikan Tindakan Kepada Guru PGSR

Kerelevanan Penyelidikan Tindakan Kepada Guru PGSR	Skor Min	SD	Peratus	
			Bersetuju	Tidak Bersetuju
Menggalakkan diri saya untuk menjalankan penyelidikan berterusan di sekolah	4.50	0.50	100	-
Menggalakkan saya untuk mengenal pasti masalah pengajaran dalam bilik darjah	4.47	0.54	100	-
Penyelidikan tindakan yang dijalankan dapat membantu melahirkan guru-guru berminat dalam penyelidikan tindakan	4.33	0.72	97.9	2.1
Membantu meningkatkan mutu perkhidmatan sebagai seorang penyelidik yang berkualiti	4.62	0.48	100	-
Penyelidikan tindakan dapat meningkatkan profesionalisma keguruan	4.47	0.68	100	-

Persoalan Kajian 5: Adakah Guru PGSR Menghadapi Masalah Semasa Menjalankan Penyelidikan Tindakan

Hasil dapatan kajian bagi konstruk masalah yang dialami oleh guru PGSR semasa menjalankan penyelidikan tindakan mendapati jumlah skor min yang diperolehi ialah 3.67. Skor min ini berada pada tahap tinggi seperti yang diterangkan dalam Jadual 2. Dalam kes ini, skor min yang tinggi menggambarkan guru PGSR mengalami pelbagai masalah. Untuk membincangkan apakah jenis masalah yang dialami oleh guru PGSR, perkiraan frekuensi digunakan seperti dalam 4. Hasil kajian mendapati 91%(43) guru PGSR berpendapat masalah utama yang dialami ialah kekurangan masa. Seterusnya, 95.8%(45) orang guru berpendapat beban kerja di sekolah menghalang mereka untuk menumpukan perhatian sepenuhnya dalam penyelidikan. Di samping itu, 95.8%(45) berpendapat kedudukan IPG yang jauh dari sekolah menyukarkan mereka menghubungi pensyarah untuk mendapat bantuan dan bimbingan. Akhirnya, 87.5%(41) berpendapat kesukaran untuk menggunakan pusat sumber menjadi masalah kerana kedudukan rumah yang lebih jauh dari IPG.

Jadual 7: Masalah Yang Dihadapi Oleh Guru PGSR Semasa Menjalankan Penyelidikan

Jenis Masalah Yang Dialami Oleh Guru PGSR semasa Penyelidikan Tindakan	Skor Min	SD	Peratus	
			Bersetuju	Tidak Bersetuju
Tidak mencukupi masa untuk aktiviti-aktiviti lain dengan keluarga	4.39	0.49	91.7	8.3
Menyukarkan menjalankan pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan	3.9	1.0	58.4	41.6
Beban kerja di sekolah turut menghalang diri daripada menumpukan perhatian dalam penyelidikan	3.83	1.0	95.8	4.2
Kedudukan IPG yang jauh dari sekolah menyukarkan untuk menghubungi pensyarah	3.81	1.04	95.8	4.2
Kedudukan rumah yang jauh dari IPG menyukarkan untuk melakukan rujukan di perpustakaan	3.79	0.98	87.5	12.5

Persoalan Kajian 6: Apakah Tahap Tekanan Yang Dialami Oleh Guru PGSR Semasa Menjalankan Penyelidikan Tindakan

Untuk menjawab persoalan kajian ini, pengkaji hanya menggunakan skor min untuk menerangkan tahap tekanan. Hasil dapatan kajian bagi konstruk tekanan, jumlah skor min yang diperolehi ialah 3.27. Skor min ini berada pada tahap yang tinggi seperti yang diterangkan dalam Jadual 2. Ini membuktikan guru PGSR mengalami tahap tekanan yang tinggi semasa menjalankan penyelidikan. Mengikut kajian yang dijalankan terdapat buktinya bahawa majoriti guru di sekolah mengalami masalah tekanan kerja yang tinggi yang disebabkan oleh pelbagai masalah seperti masalah disiplin pelajar, tekanan untuk meningkatkan kecemerlangan dalam peperiksaan, terlalu banyak kerja-kerja perkeranian, tekanan daripada ibubapa dan pihak luar yang mengharapkan komitmen yang tinggi daripada guru. Kajian Syed Sofian dan Rohany Nasir(2010) mendapati kecerdasan emosi mempunyai hubungan positif dengan tekanan kerja. Ini diperakui oleh Johnson et al. (2005) dan Brotherridge dan Greenglass (2002) yang mengatakan guru di sekolah mengalami intensiti emosi yang tinggi akibat daripada pelbagai jenis tugas harian yang melibatkan interaksi dengan pelbagai pihak di sekolah.

Persoalan Kajian 7: Apakah tahap Perubahan sikap Guru PGSR Selepas Tamat Pengajian di IPG

Untuk menjawab persoalan kajian ini, pengkaji menggunakan skor min dan frekuensi untuk menerangkan tahap perubahan sikap guru selepas tamat pengajian di IPG. Hasil dapatan kajian bagi konstruk perubahan sikap guru PGSR, jumlah skor min yang diperolehi ialah 4.1. Skor min ini berada pada tahap sangat tinggi seperti yang diterangkan dalam Jadual 2. Ini membuktikan bahawa guru PGSR menunjukkan perubahan sikap yang sangat tinggi selepas tamat pengajian di IPG. Perkiraan frekuensi(Jadual 8) mendapati 100%(48)guru PGSR bercadang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana dan ingin mempelajari pelbagai teknik menganalisis data termasuk menguasai program SPSS. Seterusnya didapati 85.4%(40) guru PGSR akan berkongsi maklumat dengan guru lain di sekolah berkaitan penyelidikan tindakan. Akhirnya, hasil kajian juga mendapati 73%(34) guru PGSR akan melibatkan diri dalam penyelidikan tindakan.

Jadual 8: Perubahan Sikap Guru PGSR Selepas Tamat Pengajian di IPG

Perubahan Sikap Guru PGSR selepas Tamat Pengajian di IPG	Skor Min	SD	Peratus	
			Bersetuju	Tidak Bersetuju
Saya akan berkongsi pengalaman mengenai penyelidikan tindakan dengan rakan-rakan saya	4.70	0.5	85.4	14.6
saya akan mencadangkan setiap guru sekolah melibatkan diri dalam penyelidikan tindakan	4.64	0.48	73.0	27.0
Saya bercadang untuk melanjutkan pelajaran saya ke peringkat sarjana di IPTS atau IPTA.	3.97	1.20	100	-
Saya akan berusaha untuk mempelajari pelbagai teknik menganalisis data	4.12	1.10	100	-
Saya berpendapat setiap guru perlu menguasai kemahiran menggunakan program SPSS	3.58	1.25	100	-

Persoalan Kajian 8: Apakah Tahap Bimbingan Pensyarah Dalam Penyelidikan Tindakan Kepada Guru PGSR

Untuk menjawab persoalan kajian ini, pengkaji menggunakan skor min dan frekuensi untuk menerangkan tahap bimbingan pensyarah dalam penyelidikan tindakan Kepada guru PGSR. Data dalam Jadual 3.9 digunakan untuk menjawab persoalan kajian. Hasil dapatan kajian bagi konstruk bimbingan pensyarah kepada guru PGSR dalam penyelidikan tindakan mendapati jumlah skor min yang diperolehi ialah 4.1. Skor min ini berada pada tahap sangat tinggi seperti yang diterangkan dalam Jadual 9. Ini membuktikan bahawa tahap bimbingan yang diberikan oleh pensyarah kepada guru PGSR adalah sangat tinggi. Walau bagaimanapun, perkiraan frekuensi(Jadual 9) mendapati hanya 60.5%(29)guru yang menerima bantuan dalam menyiapkan penyelidikan tindakan dan hanya 75%(36) yang menyatakan mereka mendapat input daripada pensyarah untuk menulis proposal kajian tetapi kesemua guru PGSR itu menyatakan bahawa pensyarah di IPG banyak membimbing mereka untuk membetulkan gaya penulisan mengikut format penyelidikan. Dapatan juga menunjukkan bahawa 98%(47)guru PGSR menyatakan pensyarah banyak membimbing untuk menggunakan kaedah penganalisan data yang sesuai dan banyak memberi input ke atas hasil penulisan. Dari segi motivasi kepada pensyarah didapati hanya 79.%(38) guru PGSR bersetuju mereka telah menerima motivasi daripada pensyarah pembimbing.

Pada masa yang sama hanya 44%(21)guru menyatakan pensyarah IPG menjadi sumber inspirasi kepada mereka untuk menyiapkan penyelidikan tindakan dan sebaliknya 56% (27) orang guru PGSR berpendapat pensyarah IPG tidak menjadi sumber inspirasi kepada mereka untuk menyiapkan penyelidikan tindakan.

Jadual 9: Tahap Bimbingan Pensyarah Kepada Guru PGSR

Tahap Bimbingan Pensyarah Kepada Guru PGSR	Skor Min	SD	Peratus	
			Bersetuju	Tidak Bersetuju
Pensyarah di IPG banyak membantu dalam menyiapkan penyelidikan tindakan	4.46	0.63	60%(29)	37% (19)
Pensyarah di IPG telah banyak membimbing saya untuk menulis proposal kajian	4.60	0.60	75.%(36)	25%(12)
Pensyarah di IPG banyak membimbing untuk membetulkan gaya penulisan mengikut format penyelidikan	4.10	1.18	100%(48)	-
Pensyarah di IPG telah banyak membimbing untuk menggunakan kaedah penganalisan data yang sesuai	4.08	1.28	97%(47)	2.1%(1)
Pensyarah di IPG telah banyak memberi input ke atas hasil penulisan saya	3.54	1.41	97.%(47)	2.1%(1)
Pensyarah di IPG telah banyak memberi motivasi kepada saya untuk menyiapkan penyelidikan tindakan	3.33	1.32	79%(38)	21%(10)
Pensyarah di IPG telah menjadi sumber inspirasi kepada saya untuk menyiapkan penyelidikan tindakan	2.95	1.52	43%(21)	56% (27)

Rumusan Dan Cadangan

Kajian ini yang dijalankan untuk meneroka persepsi guru sekolah rendah terhadap penglibatan mereka dalam penyelidikan tindakan semasa mengikuti program PGSR di IPG. Hasil dapatan kajian mendapati empat puluh lapan orang guru sekolah rendah dalam kajian ini menunjukkan kesedaran tinggi terhadap penyelidikan tindakan dan berpendapat penyelidikan tindakan itu sangat penting kepada mereka. Hasil dapatan kajian juga mendapati komitmen mereka dalam penyelidikan selepas tamat pengajian di IPG juga sangat tinggi. Di samping itu, mereka juga menyatakan penyelidikan tindakan yang dijalankan adalah relevan kepada mereka dalam tugas harian. Dapatan kajian ini turut menyokong kajian Casanova(1989), Hovada dan Kyle(1984), McCutcheon(1987), Sardo-Brown(1990) dan akhirnya Shalaway(1990). Hasil kajian juga mendapati mereka turut berhadapan dengan pelbagai masalah dan tahap tekanan yang dialami oleh mereka adalah tinggi. Pada keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan guru PGSR mempamerkan perubahan sikap yang tinggi selepas tamat pengajian di IPG. Dalam aspek bimbingan pensyarah terhadap penyelidikan tindakan kepada guru PGSR mendapati tahap bimbingan yang diberikan adalah tinggi tetapi 56% guru PGSR tidak bersetuju bahawa pensyarah di IPG menjadi sumber inspirasi kepada mereka semasa menjalankan penyelidikan tindakan di IPG.

Dicadangkan pihak Kementerian Pelajaran dan pihak pentadbiran sekolah mengamalkan dasar yang lebih liberal dalam menangani isu yang berkaitan dengan guru PGSR. Adalah lebih adil dan baik sekiranya guru-guru PGSR di sekolah diberi dorongan dan motivasi supaya mereka dapat mengikuti program masa cuti dengan semangat yang tinggi. Dicadangkan agar semua sekolah dan pejabat pendidikan daerah memainkan peranan penting untuk menggalakkan guru PGSR yang sudah tamat pengajian diberi tanggungjawab untuk menubuhkan jawatankuasa penyelidikan di peringkat daerah dan mengadakan seminar penyelidikan tindakan setiap tahun melibatkan semua guru di daerah dan dilanjutkan ke peringkat negeri dan kebangsaan. Tanpa dorongan pihak atasan adalah sukar bagi guru di sekolah untuk bergerak ke hadapan. Usaha untuk melahirkan guru sebagai penyelidik dan menyebarkan budaya penyelidikan dalam kalangan guru haruslah bermula dari sekolah dan guru seharusnya dapat menggunakan apa sahaja peluang yang ada untuk melibatkan diri dalam penyelidikan tindakan untuk mengatasi masalah pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Rujukan

- Brotherridge, C.M., dan Grandey. A. (2002). Emotional labour and burnout: Comparing two perspectives of "people work". *Journal of Vocational Behavior*. 60, 17-39.
- Casanova, V. (1989). "Research And Practice-we can integrate them." *N.E.A. Today*, 7(6), 44-49
- Demircioglu, Ismail H. (2008). "Learning How To Conduct Educational Research in Teacher Education: A Turkish Perspective," *Australian Journal of Teacher Education*: Vol. 33: Iss. 1, Article 1.
- Ferrance, E. (2000). Action Research. LAB at Brown University
- Elliot, J. (1996). Action Research For Educational Change. Milton Keynes: Open University Press.
- Grundy, S. (1994). Action Research at the school level: possibilities and problems. *Educational Action Research*, 2(1), 23-27
- Havoda, R.A., and D.W. Kyle (1984). Action research: A professional development possibility." *Middle School Journal*, 15(3), 21-23.
- Johnson, S. Cooper, C.L., Cartwright, S., Donald, I. Taylor, P., & Miller, C. (2005). The experience of work-related stress across occupations. *Journal of Managerial Psychology*, 20, 179-187.
- Law, H.C., Ireland, S. dan Hussain, Z. (2007). *The Psychology of Coaching, Mentoring and Learning*. England: John Wiley & Sons Ltd.
- Lewis, I. and Munn, P. (1997). *So You Want to Do Research*. Edinburgh: The Scottish Council For Research In Education.
- McNiff, J., Lomax, P. and Whitehead, J. (1996). *You and Your Action Research Project*. London: Routledge.
- McCutcheon, G. (1987). Teacher's experience doing action research." *Peabody Journal of Education*, 64(2), 116-127.

- Mills,G.E.(2003). *Action Research:A Guide for the Teacher Researcher*.New Jersey:Merill Prentice Hall.
- Papanastasiou,E.C.(2005). Factor Structure of the “Attitudes Toward Research” Scale. *Statistics Education Research Journal*,4(1), 16-26.
- Salaway,L.(1990). “Tap into teacher research.”*Instructor*,34-38.
- Sardo-Brown,D.(1990). “Middle level teacher’s perception of action research.” *Middle School Journal*,22(3),30-32.
- Syed Najmuddin,Abdul Halim Tamuri,Isahak Othman et al.(2009).Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Profesionalisma Guru Pendidikan Islam MRSM. *Jurnal of Islamic And Arabic Education*. 1(20,2009 31-50.